

Malaysia akan minta Indonesia beri penjelasan

BH 30 JUN 200

BANGI, Khamis - Malaysia mahu pihak berkuasa Indonesia membebaskan empat rakyatnya yang ditahan berhampiran Sempadan Kalimantan Barat jika penahanan itu terbukti berlaku di kawasan negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia akan meminta kerajaan Indonesia memberi penjelasan lanjut berkaitan penangkapan mereka, yang kononnya menjalankan kerja pembalakan secara haram dekat sempadan Kalimantan, Indonesia.

"Kita nak tahu juga... betul ke, tak betul ke. Siapa dia yang tangkap, apa dia buat, kita kena tahu. Saya tidak berkata apa-apa terhadap Indonesia dan kita tidak mahu melanggar undang-undang.

"Jika berada dalam Malaysia, maka saya berpendapat kita harus minta supaya orang ini dibebaskan," katanya selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional (Uniten), dekat sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan mengenai penangkapan empat rakyat Malaysia di Ulu Sungai Jernang, Gunung Puting, Sematan, Sarawak berhampiran sempadan Kalimantan Barat.

Mereka ditahan jam 10 pagi Isnin lalu ketika menebang balak 500 meter dari batas sempadan iaitu dalam kawasan Ulu Sungai Jernang, Sematan. Tangkapan dibuat oleh anggota Brigade Mobil (Brimob) Polis Daerah Kalimantan Barat (Polda-Kalbar) yang bersenjata rifle M-16.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga sebrlum ini tidak menghalau rakyat Thailand yang didayati mengaut untung daripada penanaman pokok getah dalam kawasan negara ini kerana mereka adalah jiran yang baik.